

Pelan Strategik Digital UMS, perkasa agenda komprehensif

UB 27.01.2023 P.02

KOTA KINABALU: Pelancaran Pelan Strategik Digital Universiti Malaysia Sabah (PSD-UMS) 2023-2025 menekankan rangka kerja komprehensif ke arah memperkasa agenda pendigitalan universiti bagi tempoh 2023 sehingga 2025.

Naib Canselor UMS Prof. Datuk Dr. Kasim Mansor berkata, pelan berkenaan sejajar dengan Pelan Strategik Pendigitalan Kementerian Pengajian Tinggi 2021-2025 yang menekankan aspek ekosistem pembelajaran digital yang mampu meluaskan akses pendidikan serta meningkatkan kualiti pendidikan tinggi.

Menurutnya, PSD-UMS 2023-2025 menggariskan lima teras utama yang meliputi infrastruktur digital universiti yang mampan dan selamat; Perkhidmatan digital yang cerdas, inklusif dan bersepadu; pemanfaatan data universiti



KASIM

yang holistik dan komprehensif; tadbir urus yang tuntas, pantas dan lestari, serta pemerkasaan dan penyegeraan gaya hidup digital universiti.

“Pelan ini mula dibangunkan seawal 2022 oleh Jawatankuasa Pembangunan PSD-UMS yang ahlinya terdiri daripada pakar ICT, pemegang taruh berkaitan dan pihak berkepentingan dalaman UMS.

“Perancangan dan penyelarasan pelaksanaan inisiatif

digital ini amat penting dalam memastikan UMS berada pada landasan yang tepat dan terus bergerak seiringan dengan perkembangan teknologi revolusi industri 4.0 (IR4.0), selanjutnya memberi manfaat kepada sistem penyampaian perkhidmatan yang lebih mampan di masa akan datang,” katanya.

Kasim melancarkan PSD-UMS 2023-2025 sempena Majlis Perutusan Tahun Baharu dan 100 Hari Naib Canselor di Dewan Canselor UMS di sini baru-baru ini.

Katanya, PSD-UMS 2023-2025 yang dibangunkan berlandaskan metodologi pembangunan yang disediakan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).

Beliau berkata, ia turut menyenaraikan sebanyak 18 strategi, 47 program dan 168 inisiatif bagi menyokong lima teras utama sedia ada.